

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Selasa, 13 Januari 2015

5,987 pengunjung guna Perpustakaan Bestari Samsung

SHOLINA OSMAN | 13 Januari 2015 6:23 AM

KANGAR 13 Jan. - Perpustakaan Bestari Samsung yang menggunakan pelbagai peranti telekomunikasi jenama itu dan pertama kali diperkenalkan di Perpustakaan Negara sejak 16 Jun tahun lalu telah berjaya menarik seramai 5,987 pengguna.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad berkata, pelancaran perpustakaan itu membabitkan kerjasama pintar antara Perpustakaan Negara dan Samsung Malaysia untuk meningkatkan budaya membaca menerusi medium teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Keistimewaannya, pelbagai peranti Samsung seperti Galaxy Tab, Notebook, Desktop AIO dan Smart TV disediakan untuk pengguna di perpustakaan bestari itu," katanya.

Beliau berucap dalam majlis perasmian Perpustakaan Bestari Samsung yang disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs), di sini semalam.

Mengiringi baginda ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Yang turut hadir, Pengarah Perhubungan Korporat Samsung Malaysia Electronics Sdn. Bhd., Roh Jae Yeol.

Mengenai perasmian Perpustakaan Bestari Samsung yang kedua di negara ini, Nafisah berkata, ia melibatkan kawasan seluas 69 meter persegi serta direka bentuk menerusi tiga zon iaitu Zon Interaktif, Bacaan dan Kanak-kanak.

"Terdapat lebih 35 peranti Samsung untuk pengguna termasuk tablet dan paparan berformat besar atau 'smart signage' dengan keupayaan skrin sesentuh," katanya.

Kata Nafisah lagi, pengguna perpustakaan bestari itu juga akan mempunyai akses kepada 4,300 tajuk e-Buku dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina di Zon Bacaan.

Beliau berkata, di Zon Interaktif pula, pengguna boleh mendapatkan kandungan tambahan seperti e-Majalah, e-Akhbar dan laman web interaktif dengan keupayaan pandang dengar.

"Kandungan yang sesuai untuk kanak-kanak pula ditawarkan di Zon Kanak-Kanak. Perpustakaan bestari itu dijangka memberi manfaat lebih kepada 105,000 pelawat di Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada setiap tahun," katanya. - UTUSAN ONLINE